

Anwar Disaran Jelajah Negara, Akui Berbohong Mengenai Badan Kehakiman Negara
Bernama
10 Januari , 2012

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim dicabar menjelajah ke seluruh negara bagi membetulkan persepsi yang dijajanya bahawa tuduhan liwat terhadap beliau adalah konspirasi Umno menerusi badan kehakiman negara.

Beberapa pemimpin Umno berpandangan ini kerana keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Isnin yang melepas dan membebaskan Ketua Pembangkang itu daripada tuduhan tersebut, jelas membuktikan dakwaan Anwar bukan saja tidak benar tetapi juga memburukkan imej badan kehakiman negara.

"Apa yang Anwar tak kata kepada hakim dan mahkamah, malah menuduh adanya konspirasi, apakah hari ini dia sanggup jilat balik ludahnya ekoran kemenangan memihak kepada beliau pagi semalam," kata Ketua Umno Cheras Datuk Syed Ali Alhabshee menerusi blog umnobahagiancheras.blogspot.com.

Pada masa yang sama, beliau tidak menolak kemungkinan Anwar akan menggunakan keputusan mahkamah itu untuk dijadikan modal politik bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Mereka akan riuhkan kemenangan Anwar di seluruh negeri, sekali gus menutup lubang keburukan PAS dan DAP," katanya.

Pandangan serupa dikongsi Anggota Majlis Tertinggi Veteran Umno Datuk Mustapha Yaakub yang meminta agar seluruh anggota dan pemimpin parti itu tidak terikut rentak Ketua Pembangkang tersebut.

"Jangan terikut rentak Anwar yang mengheret Najib dan Umno dalam kes perbicaraan itu. Orang Umno juga berhentilah menjadi pak turut dan tukang angguk kepada Anwar," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau berkata orang Umno juga tidak perlu membuang masa mempersoalkan keputusan mahkamah, sebaliknya bersatu memastikan setiap serangan pembangkang ditangkis serta memastikan kemenangan besar pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya ini juga adalah waktu yang sesuai untuk orang Umno masuk ke gelanggang berdepan dengan rakyat menceritakan perkara sebenar mengenai kes liwat tersebut.

"Selama ini Anwar berkata ini adalah konspirasi politik dan hakim tidak layak untuk membicarakan kesnya tetapi ternyata hakim membuat keputusan memihak kepadanya, sekali gus membuktikan bahawa teori konspirasi politik yang dijaja olehnya tidak benar sama sekali," katanya.

Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan pula berkata beliau pasti keputusan semalam dapat membantu membuka mata rakyat yang selama ini dikaburi Ketua Pembangkang itu dengan dakwaan kes liwat tersebut adalah konspirasi Umno.

"Mereka kata cabang kehakiman tidak bebas dan dikawal oleh cabang eksekutif. Segalanya itu adalah tidak benar. Semalam, membuktikan ia tidak benar," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat 22 anggota delegasi Dewan Pimpinan Daerah Parti Golkar Provinsi Bali, Indonesia di sini.

Malah katanya, ada rakyat yang pastinya sudah muak dengan tindakan Anwar mengheret mereka isu berkaitan masalah peribadinya.

Sementara itu, Di KOTA BAHARU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata pembangkang hanya boleh menerima keputusan mahkamah sebagai adil apabila memihak kepada mereka.

"...tetapi mengutuk kerajaan dan mengadakan domonstrasi apabila keputusan tidak memihak kepadanya," katanya.

Pada Isnin, Hakim Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah membebas dan melepaskan Anwar daripada tuduhan meliwat Mohd Saiful Bukhari Azlan selepas mahkamah mendapati tiada bukti kukuh yang menyokong kenyataan Mohd Saiful selaku pengadu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639118>